

**SYARAT-SYARAT ATAU GARIS  
PANDUAN LESEN IKLAN PILIHANRAYA  
MAJLIS DAERAH TUMPAT (MDT)**

(1) Iklan pilihanraya ertinya apa-apa bendera, tetungkul, panji-panji, cogan kata, poster atau label, risalah, brosur, sepanduk, pelekat, surat sebaran, label atau apa-apa bentuk papan iklan sementara yang dipamerkan sebagai atau bagi maksud diayah/sebaran/hebahan politik.

(2) Hari mengundi ertinya hari yang ditentukan dalam writ yang dikeluarkan di bawah Seksyen 12 Akta Pilihanraya 1958 bagi pilihanraya itu untuk pengundian dilakukan.

(3)

(4) Semua iklan pilihanraya hendaklah digunakan dalam Bahasa Kebangsaan samada secara sendirinya atau dengan mana-mana bahasa lain.

(2) Jika Bahasa Kebangsaan digunakan bersama dengan mana-mana bahasa yang lain dalam sesuatu iklan -

(a) perkataan-perkataan dalam Bahasa Kebangsaan hendaklah berukuran 30% lebih besar daripada bahasa yang lain;

(b) diutamakan dari segi kedudukan; dan

(c) digunakan dengan nahu yang betul perkataan tersebut mestilah mendapat pengesahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terlebih dahulu.

2. Suatu iklan yang dipamerkan hendaklah turut menggunakan tulisan jawi dan huruf-huruf jawi tersebut hendaklah:-

(a) berukuran lebih besar atau sama besar dengan huruf-huruf bagi perkataan-perkataan dalam Bahasa Kebangsaan atau mana-mana bahasa lain yang digunakan;

(b) diletak di bahagian atas Bahasa Kebangsaan dan tulisan lain di bahagian bawah.

(c) dieja dengan betul.

3. Iklan pilihanraya tidak boleh dipamerkan di mana-mana lebuh atau tempat kecuali di bawah dan mengikut pemit yang dikeluarkan oleh MDT.

4. Sesuatu permohonan kepada MDT untuk permit bagi mempamerkan iklan pilihanraya hendaklah dibuat dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh MDT melalui:

(a) Parti politik yang berhasrat untuk meletakkan calon dalam bahagian pilihanraya berkenaan;

atau

(b) Orang itu sendiri, jika orang yang akan bertanding dalam pilihanraya itu tidak mempunyai gabungan politik.

5. Pembayaran permit adalah sebanyak RM50 dan deposit bagi pematuhan syarat-syarat permit dan peruntukan-peruntukan undang-undang kecil ini adalah sebanyak RM300.

6. Permit iklan pilihanraya dikeluarkan oleh MDT berdasarkan bayaran dan deposit yang dijelaskan, kawasan

- yang dinyatakan di dalam permit dan dilampirkan bersama-sama syarat permit tersebut.
7. Pemegang permit hendaklah mematuhi segala syarat yang dillampirkan pada permit iklan pilihanraya itu.
  8. Permit yang dikeluarkan oleh MDT dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh MDT dan tamat tempoh pada hari yang selepas hari mengundi.
  9. Pemegang permit hendaklah mengalihkan segala iklan pilihanraya yang dipamerkan dan segala papan tanda atau struktur lain yang didirikan olehnya dalam masa 14 hari selepas hari mengundi.
  10. MDT boleh mengalihkan apa-apa iklan pilihanraya atau apa-apa papan tanda atau struktur lain yang didirikan bagi maksud mempamerkan iklan pilihanraya jika:-
    - (a) pemegang permit gagal mengalihkan apa-apa iklan, struktur atau papan tanda berkaitan pilihanraya dalam masa 14 hari selepas hari mengundi.
    - (b) Iklan pilihanraya yang dipamerkan tanpa permit.
  11. Pemegang permit/orang yang mempamerkan iklan tanpa permit hendaklah menanggung sepenuhnya segala kos perbelanjaan dan risiko kerja-kerja pengalihan yang dilakukan oleh MDT.
  12. Deposit akan dikembalikan kepada pemegang permit tanpa apa-apa faedah selepas 14 hari dari tempoh permit tamat.
  13. Deposit akan dilucutahkan atau tidak akan dikembalikan selepas pemegang permit gagal memuaskan hati atau memberi alasan munsabah kenapa deposit tidak patut dilucutahkan atau diambil oleh MDT setelah diberi peluang untuk mengemukakan alasan secara bertulis.
  14. Lesen tidak boleh dipindah milik kecuali dengan kebenaran bertulis MDT dengan bayaran 30% daripada bayaran lesen.
  15. Bayaran permit tidak akan dikembalikan.
  16. Permit boleh dibatalkan oleh MDT pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab dan tiada pampasan diberikan.
  17. Lesen hendaklah dipamerkan sepanjang masa di tempat yang mudah dilihat dan mengemukakan jika diminta oleh MDT.
  18. Permit struktur daripada Bahagian Perancang dan Pembangunan MDT adalah perlu jika iklan yang didirikan mempunyai struktur hingga ke bumbung bangunan.
  19. Iklan hendaklah disenggarakan dalam keadaan baik, bersih dan memuaskan pada setiap masa.
  20. Iklan pilihanraya dipamerkan dengan dilekatkan pada suatu papan tanda atau struktur lain yang didirikan atau diletakkan oleh pemegang permit.
  21. Iklan pilihanraya dipamerkan dengan menggantung pada pancang yang didirikan oleh pemegang permit di sepanjang mana-mana lebuh.
  22. Iklan pilihanraya dipamerkan dengan menopang ke dalam mana-mana paras tanah selain daripada

- laluan pejalan kaki yang diubinkan atau kaki lima.
23. Iklan pilihanraya yang dipamerkan dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang dinyatakan oleh MDT dalam permit.
24. Larangan iklan pilihanraya, papan tanda atau struktur lain yang berkaitan dipamerkan atau dibina atau didirikan mengikut apa-apa cara yang meliputi atau melindungi isyarat lalulintas, tanda arahan atau lampu perhiasan.
25. Larangan iklan pilihanraya dipamerkan atas atau merintangi mana-mana lebih.
26. Larangan iklan pilihanraya dipamerkan pada bangunan awam atau struktur lain dengan menggunakan paku, gam atau pelekat lain atau dengan apa-apa cara lain yang merosakkan atau mencacatkan permukaan bangunan atau struktur itu.
27. Larangan iklan yang menyebabkan bahaya kepada trafik seperti iklan yang menggunakan lampu yang berbahaya atau berputar, imej atau laser yang bergerak atau berubah-ubah.
28. Larangan iklan yang menggunakan bahan yang memantulkan cahaya yang boleh menyebabkan gangguan penglihatan.
29. Larangan iklan yang menyebabkan lebihan paras silau atau cahaya sehingga suatu darjah yang berbahaya.
30. Larangan iklan yang menghalang garis pandangan apa-apa lengkok, selekoh, pusingan, persimpangan atau lintasan kenderaan.
31. Larangan iklan yang berada di dalam hak lalu lalang awam yang dipasang pada mana-mana harta awam.
32. Larangan iklan yang mempunyai lapangan mendatar atau menegak yang kurang daripada pendawaian tenaga elektrik hidup atau komunikasi yang dibenarkan daripada yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah agensi-agensi yang berkenaan.
33. Larangan iklan yang ditempatkan atau merupakan sebahagian daripada atap atau cucur atap sesuatu bangunan melaninkan jika iklan itu tidak melebihi ketinggian garis atap.
34. Larangan iklan yang tidak melambangkan budaya dan cara hidup masyarakat Malaysia.
35. Larangan iklan yang memaparkan gambar wanita atau lelaki yang berumur lebih dua belas tahun yang tidak menutup aurat atau tidak memakai pakaian menutup aurat atau tidak memakai pakaian sopan.
36. Larangan iklan yang mempamerkan logo minuman keras, arak atau bir.
37. Apa-apa iklan yang patut dilarang oleh MDT daripada didirikan atau dipamerkan dari semasa ke semasa.
38. Iklan yang menutup tingkap dan bersaiz besar hanya dibenarkan tertakluk dengan kelulusan/pengesyoran pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
39. Tidak mempamerkan sebarang visual dan objek/gambar yang mencolok mata, lucuh, kurang sopan dan menyentuh sensitiviti mana-mana kaum, agama, bangsa dan Negara serta mengelirukan umat Islam.

40. Iklan yang dilesenkan hendaklah dipamer di tempat yang telah ditetapkan oleh MDT dan mana-mana Jabatan berkaitan.
41. Bilangan dan spesifikasi iklan yang dipohon adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh MDT.
42. Iklan tidak boleh menutup atau menghalang mana-mana tingkap atau luang keluar asap yang ada di tembok luar bangunan.
43. Apa-apa struktur bersama dengan apa-apa lekapan pada sesuatu bangunan atau sebahagian daripada sesuatu bangunan yang didirikan bagi maksud menunjukkan sesuatu iklan, hendaklah diperakui sebagai kukuh dari segi struktur oleh arkitek berdaftar atau jurutera struktur selama tempoh lesen itu termasuk juga perakuan kestabilan bangunan atau sebahagian bangunan yang menyokong iklan itu.
44. Apa-apa pelan iklan yang dikemukakan hendaklah mematuhi keperluan-keperluan Undang-Undang Kecil Bangunan.
45. Warna-warna pada iklan atau papan tanda yang bersinar atau menyebabkan kekeliruan/kegusaran atau kacanganggu adalah tidak dibenarkan dan MDT boleh mengarahkan secara bertulis untuk dibuat pertukaran warna yang lebih sesuai.
46. Iklan yang dipamerkan adalah tidak mendatangkan halangan atau kacanganggu awam, lalulintas atau pengguna di tempat awam.
47. MDT boleh secara bertulis mengarahkan pemamer iklan untuk mengubahsuai iklan jika iklan mengelirukan atau menyebabkan kacanganggu awam di dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.
48. Pemohon lesen iklan adalah secara 'prima facie' bertangungjawab sepenuhnya terhadap sebarang keruntuhan, kerosakan atau kegagalan sesuatu struktur atau lekapan berhubung dengan iklan yang dipamer/ditunjukkan semasa ia dibina atau selepas ia siap dibina.
49. MDT tidak bertanggungan terhadap apa-apa kejadian kerosakan, keruntuhan, kegagalan struktur atau lekapan iklan itu.
50. Pemegang lesen perlu mematuhi mana-mana peruntukan undang-undang, arahan atau syarat yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh MDT, Negeri, Persekutuan atau mana-mana Jabatan berkaitan.
51. Kompaun maksimum jika melakukan kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Iklan Pilihanraya MDT 1990 adalah sebanyak RM1,000.